

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : PERASMIAN KOMPLEKS ASRAMA PUTERA PERKAYA
Lokasi : TERENGGANU
Tarikh : 14-07-1992

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang di-Pertua PERKAYA; Dif-dif Kehormat; Tuan-tuan dan puan-puan sekalian, Saya bersyukur dan berasa bangga kerana dapat hadir bersama-sama di Majlis ini dan diberi penghormatan bagi merasmikan Kompleks Asrama Putera PERKAYA ini.

2. Sesungguhnya langkah Kerajaan Terengganu bersama Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Terengganu menempatkan anak-anak yatim di asrama serta memberi asuhan dan penjagaan yang sempurna adalah sungguh terpuji. Sememangnya menjadi tuntutan kepada kita semua agar menjaga anak-anak yatim ini dengan sempurna. Bukan sahaja daripada segi santapan dan keperluan jasmani, tetapi juga santapan rohani serta pendidikan yang sempurna untuk masa depan mereka.

3. Anak-anak yatim memerlukan kasih sayang seperti insan yang lain juga. Oleh kerana mereka sudah kehilangan tempat bergantung kasih dan perlindungan, kita semualah menjadi pengganti kasih bapa dan ibu mereka yang telah pergi meninggalkan mereka buat selama-lamanya.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

4. Sebagai sebuah negara yang sedang membangun pesat dan ingin menjadi maju secara total, pembangunan manusia sama sekali tidak boleh diabaikan. Pembangunan manusia ini termasuklah mewujudkan keluarga yang bahagia, melahirkan rakyat yang bermoral dan mempunyai daya juang serta daya saing yang kuat. Kita juga perlu melahirkan satu masyarakat yang mengutamakan dan mempunyai sifat-sifat pengasih dan penyayang. Sifat-sifat seumpama inilah sebenarnya yang akan membawa rakyat dan negara untuk mencapai kemajuan yang diimpikan, khususnya memenuhi matlamat Wawasan 2020.

5. Memberi perhatian serta perlindungan kepada anak-anak yatim ini adalah merupakan salah satu usaha melahirkan rakyat yang pengasih dan penyayang seperti yang dihasratkan oleh Wawasan itu.

6. Kalau kita hendak sifat kasih sayang ini menjadi sebahagian daripada jiwa masyarakat, sudah tentu usaha menyemai sifat ini harus dilaksanakan oleh semua peringkat masyarakat dengan bersungguh-sungguh. Kempen-kempen serta program-program yang menjuruskan kepada sifat pengasih dan penyayang di kalangan masyarakat hendaklah ditingkatkan dan diperbanyakkan. Apatah lagi, sebagai orang Islam, kita mestilah membuktikan bahawa kita mempunyai sifat mulia dan sentiasa mengutamakan kasih sayang di antara satu sama lain, bukan sahaja pada lafaznya, tetapi juga pada amalannya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

7. Dengan wujudnya institusi khusus bagi mengendalikan hal ehwal anak-anak yatim seperti ini, saya yakin dan percaya masalah yang sering dihadapi oleh anak-anak yatim akan dapat diatasi dengan jayanya. Di samping kesungguhan yang telah ditunjukkan oleh kerajaan negeri Terengganu terhadap kebajikan anak-anak yatim, diharapkan juga orang ramai dan pihak swasta tidak ketinggalan untuk turut membantu sama dalam usaha yang murni ini. Saya difahamkan ada di kalangan kakitangan kerajaan di negeri ini telah memberi sumbangan bulanannya dengan cara pemotongan gaji kepada tabung kebajikan anak-anak yatim ini. Ada juga orang ramai dan pihak swasta yang turut membiayai dalam penubuhan dan pengurusan asrama ini. Sokongan dan bantuan seumpama ini amatlah baik dan membanggakan. Teruskanlah amalan terpuji dan mulia ini dengan melipatgandakannya lagi. Kepada golongan yang mampu, yang masih belum lagi berbuat demikian, saya berharap akan turut membantu seperti menderma untuk tabung kebajikan anak-anak yatim yang sudah sedia tertubuh ini.

8. Dalam pada itu, selain anak-anak yatim, bantuan juga boleh diberikan kepada kanak-kanak yang

datangnya daripada keluarga yang benar-benar miskin agar mereka dapat melalui hidup sehari-hari dengan gembira dan selesa. Seperti anak-anak yang lain, mereka juga memerlukan makan minum, pakaian, pergi ke sekolah dan keperluan-keperluan lain.

9. Saya berharap langkah kerajaan dan rakyat Terengganu mengadakan asrama khas untuk anak-anak yatim ini turut dicontohi oleh negeri-negeri lain. Semoga jiwa anak-anak yatim yang sunyi dan luka ini akan terubat. Sama-samalah kita membina hari muka mereka supaya terus bersinar dengan penuh yakin dan gigih.

Tuan-tuan dan puan-puan,

10. Akhir kata, saya berharap anak-anak sekalian yang menghuni asrama ini akan sentiasa tabah hati menghadapi cabaran masa depan serta mempunyai daya juang yang tinggi.

Belajarlah bersungguh-sungguh agar mencapai kejayaan yang cemerlang.

11. Dengan harapan ini, saya dengan menyebut BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM dan dengan sukacitanya merasmikan Kompleks Asrama Putera PERKAYA.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.
